



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 11 Oktober 2022	
1	Rushing to get chickens across
2	Eksport ayam pedaging dibenarkan semula secara berfasa
3	-Eksport ayam dibenar berkuat kuasa hari ini -Pembekal jadi punca harga barang basah naik
4	-Henti eksport telur, stabilkan bekalan domestic -Bagunkan sendiri sector hasil makanan ayam

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Rushing to get chickens across

Farmers processing poultry export orders after ban lifted on short notice

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

JOHOR BARU: Chicken farmers are scrambling for Veterinary Services Department (DVS) permits to resume chicken exports to the Singapore Republic.

Johor Small and Medium Poultry Breeders Association president Lim Ka Cheng said the farms only came to know of the lifting of the export ban yesterday.

He said on such short notice, the farms rushed to submit their applications for the first batch of chicken to enter Singapore tomorrow.

"From what I understand, the volume of the export will start at about 50% of the previous quota," he told *The Star*.

Lim said Malaysia's fresh chicken was highly sought after by Singaporeans before the export ban was imposed by the Malaysian government on June 1 to tackle the shortage of chicken and pricing in the country.

Prior to that, Malaysia exported up to 3.6 million birds a month, supplying one-third of Singapore's chickens. This translated to nearly 73,000 tonnes a year.

On Sunday, the Singapore media

reported that the Singapore Food Agency (SFA) had received official notification from DVS on the lifting of the ban.

The SFA reportedly welcomed the resumption of live broiler chicken imports but advised local businesses to review their business continuity plans to reduce their risk of supply disruptions.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said there was enough chicken in the state to meet the export volume.

"Poultry farms in Johor have always raised chicken for the local market and exported some to Singapore, so they know how the quotas work," he said.

Human resources executive Adelynn Ngol, who is a Singapore permanent resident, said her family was looking forward to buying imported chicken from Malaysia again.

"This is good news as we switched to seafood as only frozen chicken from Thailand and Brazil was available in Singapore after Malaysia's export ban."

"The taste is not as good as the

fresh chicken from Malaysia," said the 34-year-old.

Singaporean housewife Fatimah Zainal, 46, said there was a big difference in terms of taste between fresh and frozen chicken.

"The Malaysian government only allowed kampung chicken into Singapore during the export ban, but my family does not enjoy them as the flesh tends to be tougher."

"During our recent trips to Johor Baru to visit relatives, we asked them to cook us chicken dishes."

"We also made it a point to order chicken dishes when eating out," said the mother-of-two.

Eksport ayam hidup pedaging dibenarkan semula secara berfasa

KUALA LUMPUR - Kerajaan membenarkan semula aktiviti mengeksport ayam hidup pedaging secara berfasa mulai hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, Jemaah Menteri bersetuju supaya sekatan itu di-longgarkan secara berfasa bermula sebanyak 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam sebulan daripada jumlah keseluruhan sekatan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan.

Beliau berkata, keputusan itu diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan yang mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) akan terus memantau bekalan ayam dalam negara serta pelaksanaan pengeksporan ayam hidup pedaging yang akan melibatkan hampir 100 ladang pengeksporan melalui mekanisme pemantauan yang telah dibangunkan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut Ronald, setiap ladang tersebut telah diberikan had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan serta berlandaskan unjuran



RONALD

pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

Ronald berkata, sekiranya didapati berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan yang diberikan, kebenaran eksport ladang terlibat akan digantung.

"Ladang-ladang pengeksporan juga tidak dibenarkan menuntut subsidi untuk pengeluaran ayam bagi pasaran eksport kerana pemberian subsidi adalah

husus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga berpatutan untuk rakyat Malaysia," jelasnya.

Menurut Ronald, pada masa sama, larangan eksport untuk ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam *Day Old Chick* (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa dan kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan Maqis.

"Keputusan bagi membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan dan pengeluaran di peringkat ladang."

"Larangan eksport komoditi ayam yang dibuat kerajaan pada 1 Jun lepas adalah bersifat sementara untuk menjamin ketersediaan bekalan ayam dalam pasaran tempatan," tambah beliau. - Bernama

Eksport ayam dibenar berkuat kuasa hari ini

Longgar sekatan berperingkat, hanya 1.8 juta ekor boleh dieksport sebulan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Eksport ayam hidup pedaging dibenarkan semula, berkuat kuasa hari ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata ia diputuskan selepas jemaah menteri bersetuju sekatan eksport ayam

hidup pedaging dilonggarkan secara berperingkat.

Sebagai permulaan, katanya, 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam dieksport sebulan berbanding keseluruhan sekatan eksport ayam 3.6 juta ekor ayam sebulan.

"Keputusan ini diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebih pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) akan terus memantau bekalan ayam dalam negara serta eksport ayam hidup pedaging membabitkan hampir 100 ladang pengekspornan melalui

mekanisme pemantauan yang dibangunkan.

"Setiap ladang diberi had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan dan berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

"Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap arahan diberikan, kebenaran eksport ladang terbabit akan digantung," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kerajaan mengambil langkah intervensi menyekat pengekspornan ayam mulai 1 Jun lalu selepas berlaku kekurangan bekalan yang menyebabkan harga produk itu naik.

Bagaimanapun, pada 4 Ogos lalu, Ronald dilaporkan berkata, sekatan pengekspornan ayam pedaging hidup hanya bersifat se-

mentara sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sepenuhnya.

Tak boleh tuntutan subsidi

Ronald berkata, ladang pengekspornan tidak dibenar menuntut subsidi bagi pengeluaran ayam bagi pasaran eksport.

"Pemberian subsidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga yang berpatutan untuk rakyat Malaysia.

"Pada masa sama, larangan eksport ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam Day Old Chick (DOC) umur sehari ayam pedaging kekal berkuat kuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh MAQIS.

Keputusan diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebih pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

Ronald Klandee,
Menteri Pertanian
dan Industri
Makanan



"Keputusan membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan serta pengeluaran di peringkat ladang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan komited memastikan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap optimum, selain mengekalkan segmen pasaran antarabangsa.



Juliana melayan pelanggan di pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)



Mohamad Nasir melayan pelanggan ketika harga ayam naik 60 sen sejak bulan lalu di Pasar Chowrasta, Georgetown, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

Pembekal jadi punca harga barang basah naik

Kuala Lumpur: Harga barangan basah seperti, ayam, ikan dan sayur-sayuran yang tidak menentu daripada pembekal menjadi punca peniaga menaikkan harga.

Tinjauan BH di pasar Chow Kit di sini semalam mendapati, ikan dan sayur mengalami kenaikan harga antara RM1 hingga RM3 sekilogram, manakala harga ayam kekal pada harga siling RM9.40 sekilogram seperti ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Peniaga ikan yang hanya mahu dikenali sebagai Yan, 32, berkata harga bergantung kepada bekalan daripada pembekal.

"Saya naikan dalam RM1 hingga RM2. Contohnya hari ini (semalam), ikan tongkol putih RM10 sekilogram, tetapi boleh

mencecah RM13 sekilogram kalau bekalan kurang," katanya.

Peniaga sayur, Juliana Rahim, 35, berkata harga sayur lazimnya meningkat apabila menghampiri musim perayaan.

"Sekarang harga sayur masih berpatutan. Kubis dan lobak merah masih RM4 sekilogram, manakala cili RM10 sekilogram, berbanding RM13 sekilogram sebelum ini," katanya.

Peniaga ayam, Abi Sam, 32, berkata harga ayam kekal pada RM9.40 sekilogram sejak Julai lalu, dengan pembekal menjual pada RM8.60 sekilogram.

"Kami cuma untung 80 sen dan tak boleh turunkan harga sebab kos operasi seperti beg plastik dan sewa tapak niaga mahal," katanya.

Pengguna yang berkhidmat sebagai pembantu perubatan, Wan

Hakimi Muhammad, 28, mengakui perbelanjaan barangan basah keluarganya mencecah hampir RM300 sebulan.

"Sebelum ini saya beli di pasar raya, tetapi harga di sana makin mahal," katanya.

Harga ikan naik 30 peratus

Di Georgetown, hampir semua jenis ikan dikesan mengalami kenaikan harga antara 20 hingga 30 peratus, atas alasan cuaca tidak menentu pada fasa peralihan monsun timur laut ketika ini.

Tinjauan di Pasar Chowrasta mendapati, ikan kembung dijual RM12 hingga RM14 sekilogram, cencaru RM10, bawal hitam RM32, ikan selar RM20, manakala jenahak antara RM35 hingga RM40 sekilogram.

Peniaga, Hamid Osman, 55, turut mendapatkan bekalan dari

Thailand untuk memberi lebih pilihan kepada pelanggan.

"Memang harga ikan naik antara 20 hingga 30 peratus, tetapi kalau ikan banyak, harga boleh turun. Harga tinggi pun, banyak ikan habis seawal jam 11 pagi," katanya di sini, semalam.

Peniaga ayam, Mohamad Nasir Abdul Kalam, 31, berkata, harga ayam yang naik 60 sen sejak bulan lalu dijangka naik lagi 30 sen minggu ini.

Di Kuala Nerus, peniaga ikan, Mohd Nazri Muda, 37, mengakui bekalan masih mencukupi dan dijual pada harga tidak membebankan.

Katanya, ikan kembung dijual antara RM15 hingga RM16 sekilogram (kg), selayang RM10 hingga RM12, tongkol RM10 hingga RM12, kerisi RM14 hingga RM16 dan cencaru RM10, manakala so-

tong bergantung mengikut saiz.

Bekalan ayam kurang

Di Johor Bahru, masalah kekurangan anak ayam menyebabkan bekalan ayam segar di negeri itu berkurangan hingga 30 peratus sejak hujung bulan lalu.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Johor, Lau Ka Leng, berkata keadaan itu menjejaskan pusingan ayam pedaging di ladang, sekali gus menyumbang kenaikan harga ayam di pasaran.

"Masalah ini tidak terlalu kritikal kerana pengusaha masih berupaya membekalkan ayam segar, cuma jumlahnya susut hingga 30 peratus," katanya ketika dihubungi.

Ka Leng berkata, isu bekalan ayam segar dijangka dapat diatasi dalam dua bulan lagi.

"Langkah memberi subsidi ini membantu penternak serba sedikit. Tidaklah ia menguntungkan, cuma cukup sekadar untuk penternak ini *break even*, cukup-cukup makan. Sebab kalau tiada subsidi ini, memang tak boleh buat," katanya.